

Syarat Kelayakan

STR 2025



Isi Rumah

Pemohon

- Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja
- Lelaki atau wanita yang menjadi ketua keluarga dan bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM5,000 dan ke bawah

Pasangan

- Warganegara Malaysia (MyKad) atau memiliki pengenalan Malaysia (MyPR / MyKAS)
- Bukan Warganegara Malaysia (selain pengenalan MyPR / MyKAS)

Anak

- Hubungan mestilah Anak Kandung (termasuk anak tidak sah taraf) atau Anak Angkat yang berdaftar dengan JPN sahaja; dan
- Warganegara Malaysia yang memiliki pengenalan Malaysia (MyKad / MyKid) sahaja; dan
- Tidak bekerja atau tiada punca pendapatan yang berumur:
 - 18 tahun dan ke bawah; atau
 - 19 tahun dan ke atas bagi yang masih belajar sepenuh masa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Swasta (IPTS)


Warga Emas Bujang / Tiada Pasangan

- Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja
- Bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan RM5,000 dan ke bawah bagi yang berumur 60 tahun dan ke atas

Bujang

- Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja
- Bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan RM2,500 dan ke bawah bagi yang berumur 21 tahun hingga 59 tahun dan OKU berumur 19 tahun hingga 59 tahun
- Bukan pelajar IPTA / IPTS sepenuh masa

Kaedah Penghantaran Borang & Dokumen Sokongan



- Muat naik secara dalam talian di Portal Rasmi STR semasa kemas kini permohonan atau permohonan baharu; atau
- Hadir ke Pejabat LHDNM / Pejabat Satelit LHDNM / UTC LHDNM
- Dokumen dan borang yang telah lengkap diisi diposkan ke alamat Kementerian Kewangan Malaysia

Pemakluman Keputusan Permohonan STR 2025



Semakan Secara Dalam Talian
<https://bantuantunai.hasil.gov.my>

Saluran Pertanyaan



Hotline BKK LHDNM
1-800-88-2747



Hotline STR MOF
03-8882 4565 / 03-8882 4566



E-mel
str@treasury.gov.my



Laman Web
<https://bantuantunai.hasil.gov.my>

Alamat Kementerian Kewangan Malaysia
Sekretariat STR
Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Presint 2, 62592 Putrajaya



SUMBANGAN TUNAI RAHMAH

STR

2025

SUMBANGAN ASAS RAHMAH

SARA

TEMPOH PERMOHONAN BAHARU / KEMAS KINI
SEPANJANG TAHUN MULAI 19 OKTOBER 2024

Kaedah Memohon STR 2025



Secara Dalam Talian
<https://bantuantunai.hasil.gov.my>



Hadir ke

- Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
- Pejabat Satelit LHDNM
- Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM dengan mengisi dan mengemukakan Borang Permohonan STR



Borang Permohonan boleh dicetak oleh pemohon melalui Portal Rasmi STR
<https://bantuantunai.hasil.gov.my>



Penerima STR 2025



Isi Rumah

- Kahwin (Ada atau Tiada Anak); atau
- Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak



Warga Emas Bujang / Tiada Pasangan

- Bujang; atau
- Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang Tiada Anak; serta
- Had umur 60 tahun dan ke atas



Bujang

- Bujang; atau
- Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang Tiada Anak; serta
- Had umur 21 tahun hingga 59 tahun; atau
- Bujang (Orang Kurang Upaya) berumur 19 tahun dan ke atas
- Bukan pelajar IPTA / IPTS sepenuh masa

Nilai Bantuan STR 2025

Isi Rumah

Kategori Bantuan / Pendapatan Bulanan	Nilai Bantuan			
	0 anak	1-2 anak	3-4 anak	≥ 5 anak
RM2,500 dan ke bawah	RM1,000	RM1,500	RM2,000	RM2,500
RM2,501 - RM5,000	RM500	RM750	RM1,000	RM1,250

Individu Warga Emas Bujang / Tiada Pasangan Berumur 60 Tahun Dan Ke Atas

Pendapatan Individu	Nilai Bantuan
RM5,000 dan ke bawah	RM600

Individu Bujang Berumur 21 - 59 Tahun / OKU Berumur 19 - 59 Tahun

Pendapatan Individu	Nilai Bantuan
RM2,500 dan ke bawah	RM600

Sumbangan Asas Rahmah SARA 2025

Sumbangan Asas Rahmah (SARA) merupakan bayaran tambahan kepada penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR). Kelayakan SARA adalah secara automatik berdasarkan data lulus STR 2025 melibatkan kumpulan Miskin dan Miskin Tegar (eKasih) sehingga 31 Oktober 2024 dan turut diperluas kepada semua penerima STR 2025 kategori Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan.

Di bawah program ini, penerima yang layak boleh membeli barang keperluan asas terpilih dengan menggunakan MyKad di pasaraya/kedai-kedai runcit berdaftar.

Nilai Bantuan SARA 2025 bagi Penerima STR Miskin dan Miskin Tegar

Kriteria / Syarat Kelayakan	Nilai Bantuan Tambahan
Penerima Isi Rumah / Warga Emas Tiada Pasangan STR berstatus Miskin / Miskin Tegar dalam rekod data eKasih (ICU, JPM)	RM1,200 / RM100 sebulan untuk tempoh 12 bulan (Januari – Disember 2025)
Penerima Bujang STR dan berstatus Miskin / Miskin Tegar dalam rekod data eKasih	RM600 / RM50 sebulan untuk tempoh 12 bulan (Januari – Disember 2025)

Nota: ICU, JPM – Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

Nilai Tambahan SARA bagi Penerima STR 2025

Kriteria / Syarat Kelayakan	Nilai Bantuan
Penerima Isi Rumah STR	RM900 / RM100 sebulan untuk tempoh 9 bulan mulai April 2025
Penerima Warga Emas Tiada Pasangan STR	RM450 / RM50 sebulan untuk tempoh 9 bulan mulai April 2025

Nota: Nilai tambahan SARA termasuk penerima STR 2025 daripada kumpulan Miskin dan Miskin Tegar (eKasih)

Maklumat Penting

Pemohon Yang Perlu Membuat Permohonan

- Permohonan yang tidak dikemas kini dalam tempoh 3 tahun berturut-turut sepanjang pelaksanaan BKM 2022, STR 2023 dan STR 2024 kecuali warga emas dan pedalaman Sabah / Sarawak
- Penerima STR 2024 yang mempunyai perubahan maklumat

Pemohon Yang Perlu Membuat Permohonan Baharu

- Pemohon yang tiada rekod dalam sistem STR 2024

Skim Khairat Kematian (SKK)



Amaun

- RM1,000 bagi kategori Isi Rumah (pemohon / pasangan) dan Warga Emas Tiada Pasangan

Kelayakan

- Penerima STR 2025 kategori Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan
- Pemohon atau pasangan warganegara dan meninggal dunia pada tahun 2025
- Pasangan bukan warganegara Malaysia yang meninggal dunia tidak layak SKK
- SKK layak dituntut waris yang didaftarkan di dalam borang permohonan STR sahaja

Kaedah Tuntutan

- Tuntutan hanya boleh dibuat selepas keputusan permohonan STR 2025 dimuktamadkan terhad pada tahun 2025 di mana-mana Cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh negara
- Dokumen yang diperlukan semasa tuntutan adalah seperti berikut:
 - Asal / Salinan Sijil Kematian yang dikeluarkan oleh JPN; dan
 - Asal / Salinan Kad Pengenalan / Sijil Lahir waris; dan
 - Dokumen pembuktian pertalian antara waris dan si mati (pemohon / pasangan)

Dokumen Sokongan Yang Diperlukan



Pemohon

- Salinan Sijil Perkahwinan yang dikeluarkan oleh JAIN / JPN; atau
- Salinan Sijil Kematian pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; atau
- Salinan Sijil Perceraian yang dikeluarkan oleh JAIN / JPN; atau
- Salinan Sijil Dekri Nisi / Dekri Nisi Mutlak yang dikeluarkan oleh Mahkamah

Pasangan

- Salinan pengenalan pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS); atau
- Salinan Pasport / Visa / UNHCR / Pas Sempadan / Sijil Lahir / Kad Pengenalan lama

Anak

- **Anak Kandung** Salinan MyKad / MyKid dan Salinan Sijil Lahir yang dikeluarkan oleh JPN; atau
- **Anak Angkat** Salinan MyKad / MyKid dan Salinan Sijil Daftar Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN